



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUENI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 2 RABU 14 JANUARI, 1970 1389 رابو 6 ذوالقعيده PERCHUMA

D.Y.M.M. KURNIAKAN BINTANG D.S.N.B. KAPADA TUAN HAKIM BESAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menganugerahkan **Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Baha-gia Darjah Kedua — D.S.N.B.** kapada Tuan Hakim Besar Negeri Brunei, Sir Michael Hogan, C.M.G.

Dengan penganugerahan bintang kebesaran itu menjadikan Sir Michael sa-orang Dato Setia.

Istiadat mengurniakan bintang itu telah di-adakan di-Balai Pemajangan

Indera Kenchana Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Antara yang hadir di-istiadat tersebut termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, Menteri Besar, Yang Amat Mu-lia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Ahli2 Majlis Mashuarat Di-Raja serta Ahli2 Majlis Penesihat Tetap.



D.Y.M.M. ketika mengurniakan bintang kebesaran tersebut kapada Sir Michael Hogan.

Tanah2 yang sudah bergeran hendak-lah di-isikan mengikut syarat2-nya

BANDAR BRUNEI. — Pega-wai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru penduduk2 negeri ini ter-utama sekali petani2 yang mempunyai tanah2 yang sudah bergeran supaya mengusaha-kan tanah2 mereka mengikut syarat2 tanah itu.

Beliau menasihatkan supaya tanah2 itu tidak akan terbiar dalam keadaan yang kosong atau di-gunakan pada tujuan2 lain yang tidak sama dengan maksud syarat2 tanah tersebut.

Ini telah di-nyatakan beliau sa-jurus sa-belum membuka rasmi Mashuarat Agong Perse-kutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei yang ke-4 yang berlangsung di-Dewan Ke-masyarakatan di-sini pada hari Juma'at lepas.

Mengenai mashuarat itu, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman berharap su-paya persidangan itu tidak akan di-jadikan sa-bagai satu persidangan yang akan meng-hasilkan permintaan atau ra-yuan2 kapada Kerajaan yang semata2 bertujuan untuk menguntongkan sa - saorang atau satu2 kaum.

Beliau menyambut baik ten-tang tertubuh-nya persekutuan yang besar itu dan yakin usaha itu mempunyai nilai2 yang tinggi di-segi ekonomi dan so-sial dalam mendukung usaha2 Kerajaan pada membangun dan memajukan negeri ini.

Tetapi, kata beliau, semua itu tidak akan dapat di-nik-mati jika hanya dengan usaha terhad semata2 pada menuboh-kan persekutuan atau persat-uan2 peladang sahaja, tanpa menchurahkan tenaga ber-tanam, berternak dan sa-bagai-nya.

Beliau menasihatkan pela-dang2 negeri ini supaya meng-gunakan segala kemudahan2 yang sudah di-sediakan oleh Kerajan untuk membantu me-reka bagi mencapai kema-juan2 yang di-perlukan.

Kapada peladang2 yang ha-nya berusaha sa-chara sam-bil2an sahaja, beliau menyeru mereka supaya menukar sikap untuk menjalankan usaha2 sapanoh-nya, kerana beliau yakin "bertanam dan berter-nak sa-chara penoh dewasa ini sudah boleh menjamin ke-hidupan petani2."

(Lihat Muka 8)

ISTIADAT "MENGAGAI"



BANDAR BRUNEI. — Isti-adat Mengagai sa-bagai perse-diaan pengurniaan gelaran se-bagai sa-orang Cheteria kapa-da Yang Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Ba-kar telah di-adakan di-Lapau, Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Yang Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz akan di-kur-niakan gelaran Yang Amat

Mulia Pengiran Maharaja Setia Di-Raja Sahibol Irshad dalam satu istiadat yang akan di-langsungkan pada hari ini, 14 Januari.

Tiga lagi istiadat pengur-niaan gelaran akan di-adakan di-Lapau dalam bulan ini, yang di-jadualkan pada 19, 22 dan 26 Januari.

Gambar atas menunjukkan ketika istiadat tersebut di-langsungkan di-Lapau pada minggu lepas.

Awang Hassan di-pileh melawat Australia

BANDAR BRUNEI. — Awang Hassan bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Awang Haji Mohammad Yusof dari Bandar Brunei, tidak lama lagi akan berlepas ka-New South Wales, Australia kerana lawatan sebagai ahli Rombongan Kumpulan Bertukar2 Pengajian anjoran Kelab Rotary Antara Bangsa.

Semasa lawatan itu, Awang Hassan dan lain2 anggota dalam rombongan itu akan melawat ka-beberapa tempat di-New South Wales sebagai tetamu kepada anggota2 Rotary Kelab Daerah 228.

Mereka akan melawat ladang2, kilang2, sekolah2 dan mempelajari kerja2 yang di-kendalikan oleh kerajaan dalam semua jurusan termasuk perkhidmatan2 awam. Mereka juga akan mengadakan perbincangan dengan pemimpin2 perniagaan.

Awang Hassan yang telah di-chalunkan oleh Kelab Rotary Bandar Brunei telah di-pileh oleh pegawai2 Rotary di-Kuala Lumpur, untuk menyertai chalun2 dari lima puluh buah kelab rotary di-Asia Tenggara.



PENGIRAN OTHMAN

Mashuarat Agong peladang

Luagan Dudok

TUTONG. — Persatuan Peladang Luagan Dudok akan mengadakan mashuarat agongnya di-Balai Raya Luagan Dudok pada 16 Januari ini jam 8.30 pagi.

Yang Di-Pertua persatuan itu Awang Ali bin Haji Mokti berkata agenda yang akan di-bincangkan dalam mashuarat itu termasuk memilih ahli2 jawatan kuasa bagi tahun 1970.

Beliau meminta semua ahli2nya supaya menghadiri mashuarat tersebut.

1969 TAHUN BERSEJARAH BAGI PERKEMBANGAN DAERAH TUTONG - Pengiran Othman

PEKAN TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah menyatakan bahawa segala rancangan2 kerajaan yang telah dan sedang di-ranchangkan terutama bagi perkembangan2 Daerah Tutong adalah di-buat dengan mengikut giliran dan di-siasat terlebih dahulu dengan teliti supaya sa-suatu rancangan itu tidak menjadi sia2.

Pengiran Othman telah berkata demikian dalam ucapan penanggihan-nya di-persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang berlangsung di-Bilek Persidangan Kerajaan Pekan Tutong pada dari Rabu lepas.

Pegawai Daerah itu berkata bahawa segala perkembangan di-daerah itu akan di-laksanakan mengikut rangka2 yang tertentu yang di-arahkan oleh Kerajaan dan bukan-nya di-buat dengan tidak tentu arah.

Pengiran Othman juga menyeru penduduk2 di-daerah itu supaya berusaha memajukan daerah itu dan menjauhkan diri daripada anasir2 yang tidak di-ingini.

Menyentuh tentang usol2 yang di-tolak, Pegawai Daerah menyatakan bahawa usol2 itu ada-lah sudah dalam rancangan kerajaan atau pun pernah di-kemukakan.

Pengiran Othman menyatakan bahawa pada tahun lepas, ada-lah tahun yang bersejarah bagi kemajuan dan perubahan

an2 di-Daerah Tutong sa-bagaimana boki2 yang di-lihat seperti rancangan2 mengenai perbekalan ayer yang menelan berjuta2 ringgit dan rancangan jalan raya di-ulu Tutong atau pendalaman sedang di-selenggarakan.

Beliau juga berharap pada tahun ini penduduk2 daerah ini akan berusaha demi untuk kepentingan dan kemajuan upaya mengharumkan nama daerah itu.

Pengiran Othman juga menyeru ahli2 majlis itu supaya mengemukakan buah2 fikiran saling mengerti untuk mencapai kemajuan daerah ini sedikit demi sedikit dari setahun ka-setahun.

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah itu telah mengemukakan terima kasih atas nasihat2 yang berguna dan yang membena yang telah diberikan oleh ahli2 majlis pada tahun lepas.

Turut juga memberikan ucapan penanggihan di-majlis itu ia-lah Awang Haji Hanafi bin Mohamed Daud wakil kawasan Pekan Tutong.

Awang Haji Hanafi antara lain telah mengemukakan terima kasih kepada Pegawai Daerah dan kaki tangan kerajaan di-daerah itu atas kerja2 mereka bagi memajukan daerah Tutong.

Awang Haji Hanafi juga berikrar menumpukan at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan kerajaan Baginda dan memberikan kerjasama untuk kepentingan bersama.

Dalam persidangan itu, tidak ada usol di-kemukakan.

53 orang lulus pereksa trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Saramai 53 orang chalun telah lulus peperiksaan trengkas dan menaip yang di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Brunei bulan Jun tahun lalu.

Sa-belas dari mereka lulus bahagian trengkas, sepuluh perengkat permulaan sa-orang tertinggi, sementara 42 lain-nya lulus peperiksaan menaip.

Peperiksaan itu di-anjokan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

Mereka yang lulus ada-lah seperti berikut:

Trengkas Perengkat Permulaan;

Ibrahim bin Abd. Karim C-, Md. Said bin P. P. Haji Hashim C-, Ibrahim bin Mohd. Ali C-, Ibrahim bin Md. Yusof B-, Awang Damit bin Awang Tengah A-, Mohd. Hassan bin Abdullah B-, Rosley bin Metusin C+, Dk. Noorashiah bte (Lihat Muka 7)

Bantuan Palang Merah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Palang Merah Negeri Brunei telah menderma sa-banyak \$1,100 untuk menolong mangsa2 banjir Singapura, Malaysia dan Ceylon.

Sa-orang juruchakap palang merah berkata, bantuan sa-banyak \$300.00 di-kirimkan kepada Palang Merah Malaysia; \$300.00 kepada Palang Merah Singapura dan sa-banyak \$500.00 kepada Palang Merah Ceylon.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari anggota pulis dari sekolah latihan pulis di-Berakas ketika mengadakan lawatan kaibu pejabat pasukan bomba di-Bandar Brunei baru2 ini.

Ketibaan mereka di-ibu Pejabat itu telah di-sambut oleh Pemangku Timbalan

Pengawal Perkhidmatan Bomba Awang Ali bin Rimong.

Semasa lawatan itu anggota2 pulis itu telah mendengar keterangan tentang semua aspek perkhidmatan bomba dan menyaksikan pertunjukkan mengenai penggunaan alat2 untuk melawan kebakaran.

WAHAI kaum Muslimin,
Hendak-lah tuan2 berbakti kepada Allah dengan mengerjakan segala suroh-an-nya dan menjauhi segala larangan-nya, kita hendak-lah ingat bahawa kebenaran dan kepalsuan itu sentiasa bertentangan dan sentiasa ada di-dalam masyarakat manusia di-mana dan bila2 masa, dari itu manakalapehak yang benar kuat, kebenaran akan berdaulat dan umat akan bahagia, sa-balek-nya kalau yang salah gagah, dia akan menang dan berkuasa, umat akan chelaka dan sengsara.

Ada di-antara umat Islam menyangka bahawa kerana kita benar, kita jangan susah2 berjuang, kita mesti menang kerana Tuhan di-pehak yang benar dan siapa yang salah dia akan kalah kerana Tuhan murka kepada mereka. Pendapat ini telah tersilap walau pun Islam benar, jika ia-nya lemah, Islam akan kalah, sa-balek-nya jika kafir itu salah tetapi dia gagah, maka dia-lah akan menang dan memerintah-nya, kerana kebenaran Islam di-sisi Allah bukan kepada pendapat sekalian manusia dengan lain perkataan bahawa Islam bukan-lah di-akui oleh sekalian umat manusia kebenaran-nya, lebeh2 lagi musuh2 Islam seperti yang telah di-terangkan oleh Allah di-dalam Al-Quran Al-Karim, kerana ini-lah Nabi kita telah mengingatkan umat Islam dengan sabda-nya yang bermaksud:

"Tiada ada satu kaum yang meninggalkan perjuangan melainkan kaum itu akan di-timpakan oleh Allah dengan azab".

Bila kita menyebut perjuangan, kita mesti ingat bukan-lah hanya berjuang dengan senjata di-padang peperangan sahaja tetapi di-maksudkan perjuangan di-sini di-dalam segala lapangan. Oleh itu kita umat Islam wajib berjuang, kerana umat Islam telah jauh ketinggalan di-belakang di-semua lapangan, kalau kita tidak berjuang atau berjuang dengan tidak ada tujuan yang tertentu, dan perjuangan kita akan gagal dan kechewa.

Dalam kita menempoh tahun baru, kita Umat Islam mestilah faham bahawa zaman ini semua bangsa sedang berlumba2 mengejar kemajuan, kebahagiaan umat Islam juga mesti-lah sama2 berjuang di-dalam perlumbaan itu kalau sa-kira-nya kita umat Islam mahu hidup sa-tarap, aman dan tenteram di-dunia ini.

Sa-baik2 umat manusia ialah mereka yang menjadikan perkara2 yang berlalu di-depan mata-nya atau berita2 yang di-dengar-nya satu iktibar untuk mereka berfikir dan akan kechewa-lah umat yang tidak mahu memikirkan apa yang terjadi di-sekeliling mere-

Ada-lah silap berpegang pada kata2 yang menyaranan bahawa yang benar akan menang dan yang salah akan kalah

ka. Ini telah di-terangkan oleh Allah Subahanahu-wataala di-dalam kitab suci Al-Quran Al-Karim di-dalam surat Al-A'arab ayat 179 yang bermaksud:

"Sesunggoh-nya kami (Allah) jadikan untuk isi neraka jahanam kebanyakan di-antara zin dan manusia yang mereka mempunyai hati tidak memahamkan dengan hati-nya, ada mata, tetapi tidak melihat de-

ngan mata-nya, ada telinga, tidak mendengar dengan telinganya. Mereka itu ada-lah seperti haiwan, bahkan lebeh sesat lagi daripada-nya, dan mereka itu-lah orang yang lalai."

Wahai kaum Muslimin,

Begitu juga-lah hal-nya dengan perkara2 maksiat, semua orang tahu dan faham mereka membacha dalam Al-Quran atau mereka mendengar penerangan2 dari ahli2 bijak pan-

dai menerangkan maksud2 maksiat seperti arak, zinah dan judi itu ada-lah haram, tetapi mengapakah perkara itu semakin meluas? Jawab-nya ia-lah orang yang sukakan maksiat lebeh kuat tenaga-nya dari pehak yang menentang, walau pun Ugama dan kebenaran dari fikiran orang2 yang waras, perkara seperti itu mesti di-leborkan, sa-balek-nya pula orang2 sukakan maksiat itu mempertahankan dengan sa-ribu satu macham helah akhir-nya yang menentang kalah kerana lemah dan maksiat menang kerana penyukong2-nya gagah. Demikianlah di-antara hak dengan batal — ada penyukong dan ada pula penentang.

Yang sangat2 menduka-chitakan kita jika perkara ini terjadi ada di-antara orang ramai chuba menyalahkan kepada penganjor2 atau alim ulama yang bertanggung-jawab sedangkan orang yang membuat perbuatan itu sendiri yang terang2 menderhaka kepada Allah dan melanggar peratoran2 negeri ini tidak bersalah dan tidak pula di-kecham.

Oleh itu hendak-lah kita semua memikirkan apakah yang mesti kita buat dan mesti kita jauhan dan jangan-lah menyalahkan orang lain, jika perbuatan itu kita buat dengan kesukan hati sendiri.

Peraduan silat dan kuntau anjoran Persatuan PERANGKAP

BERAKAS.—Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas—PERANGKAP merancang hendak menganjorkan peraduan Silat Kuntau yang akan di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Brunei dalam bulan Februari hadapan.

Pengurus jawatankuasa penganjor, Awang Wahab bin Awang Tengah berkata, peraduan itu ada-lah salah satu projek tahunan persatuan itu dan akan di-adakan bersempena Hari Raya Haji.

Ia-nya ada-lah terbuka kepada ahli2 persatuan2 belia di-negeri ini.

Borang masok bertanding boleh di-dapati dari Awang Wahab bin Awang Tengah, di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Awang Ahmad Ghafar dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei. Awang Abdul Rahman Yusof dari Sekolah Melayu Muda Hashim di-Tutong dan Awang Latif bin Chuchu di-alamatkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Kuala Belait.

Borang itu hendak-lah di-kembalikan pada 15 Januari.

Satu peraduan yang sama telah di-anjorkan oleh persatuan itu dalam tahun lepas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14 Jan. 1970 hingga ka hari Selasa 20 Jan. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
14 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
15 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
16 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
17 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
18 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
19 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
20 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

14hb, Januari 1970.

PENGUNAAN TANAH2 YANG SUDAH BERGERAN

APAKAH yang dapat dikatakan dengan kejujuran, selagi manusia yang mempunyai berbagai sifat dan ragam itu tidak dapat menguasai diri sendiri untuk benar2 menchipta nilai2 kejujuran dalam diri masing2.

Ada-lah suatu perkara yang amat susah untuk mengajak orang supaya mempunyai sifat2 kejujuran itu, selagi orang itu masih menyalah dengan fahaman2 tolak tangga berayun kaki.

Tidak ujud-nya kejujuran, maka kemungkinan ada-lah tidak dapat di-elakkan dari berlakunya penchabulan terhadap undang2 dan peraturan2 yang telah di-meterikan.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru tuan2 tanah yang sudah bergeran supaya mengusahakan tanah2 mereka menurut sabagaimana kehendak2 shariat yang telah termeteri dalam geran2 mereka itu.

"Jangan-lah tanah2 itu di-biarkan kosong sahaja atau pun di-gunakan pada tujuan2 yang lain yang tidak sama dengan maksud2 shariat2 tanah2 tersebut."

Timbul-nya seruan beliau ini ada-lah berdasarkan kepada kenyataan yang dapat di-pandang walau dengan sepintas lalu sekalipun ia itu ada-nya beberapa bidang tanah yang di-tumboh lalang dan belukar padahal tanah2 itu mempunyai tuannya dengan di-tentukan oleh geran2 yang sudah di-ke-luarkan kepada mereka.

Sayugia di-ingat bahawa keseluruhan permohonan2 untuk mendapatkan tanah ada-lah berdasarkan kepada maksud2 pemohon yang sa-bahagian besarnya untuk melaksanakan hasrat mereka bagi membuka ladang atau ternakan2 yang mereka kehendaki.

Berbagai2 harapan telah dibuat oleh pemohon2 yang antara-nya mengharapkan supaya pehak Kerajaan akan membuat pertimbangan2 yang saksama bagi memenuhi kehendak2 mereka itu.

Oleh kerana Kerajaan memikirkkan betapa perlu-nya mereka itu di-beri peluang yang sebaik2-nya demi untuk melaksanakan hasrat yang suchi itu, maka sa-bahagian besar daripada mereka telah di-kabulkan oleh Kerajaan atas harapan2 itu. Kemudian timbul lagi permohonan2 untuk mendapatkan tanah itu dengan chara yang lebih meyakinkan mereka ia itu dengan di-keluarkan geran2 tanah supaya mereka akan lebih yakin lagi berusaha kerana tanah itu sudah di-serahkan kepada mereka untuk mengusahakan-nya terus menerus.

Tetapi apakah yang dapat dilihat sekarang? Masih banyak lagi tanah2 itu telah terbantut dari di-usahakan, bahkan ada satengah2-nya telah menggunakan tanah2 mereka dengan tidak menurut shariat2-nya.

Sabener-nya Kerajaan boleh bertindak, tetapi kesempatan untuk berfikir bagi tuan2 tanah itu masih belum tertutup.

KEJAYAAN GEMILANG PELUMBA2 BASIKAL BRUNEI DI-JOHOR

PASOKAN pelumba2 basikal Brunei yang mengandungi 13 orang telah pulang ka-tanah ayer sa-telah mengambil bahagian dalam perlumbaan2 basikal di-Negeri2 Melaka dan Johor, Malaysia Barat dengan menchapai kejayaan gemilang.

Dengan kemenangan2 yang di-chapai oleh pasokan Brunei itu, mereka telah menepati azam mereka untuk menchapai kejayaan dalam perlumbaan yang besar itu.

Walaupun peserta2 Brunei hanya mendapat tempat kelima, ke-tujuh dan kelapan dalam perlumbaan di-Melaka, ini boleh juga di-sifatkan satu kejayaan kerana itu ada-lah pertama kali-nya peserta2 Brunei mengambil bahagian dalam perlumbaan di-luar negeri.

Awangku Haji Mohammad bin Pg. Haji Chuchu, selaku ketua rombongan ka-perlumbaan2 di-Malaysia itu menyatakan, kegagalan peserta2 Brunei menchapai kemenangan dalam perlumbaan di-Melaka itu bukan-nya di-sebabkan kurang latihan akan tetapi mereka kurang pengalaman taktik perlumbaan.

"Peserta2 itu telah mempelajari taktik tersebut dalam perlumbaan di-Melaka itu dan menggunakan-nya dalam perlumbaan di-Johor, dan menchapai kejayaan gemilang", tegas Ak. Haji Mohammad.

Dalam perlumbaan2 di-Johor itu peserta2 Brunei telah memenangi perlumbaan 10 pusingan sa-jauh 40 batu.

Dalam perlumbaan ini Awangku Shahar, telah mendapat tempat kedua dengan mengambil masa 1 jam 41 minit dan 39 sa'at, ia-itu kurang satu saat dari pemenang pertama yang di-menangi oleh peserta dari Kedah. Azahari Ali, ketiga, Ak. Mashuni, keempat dan Arthur de Silva tempat ke-enam.



Dalam perlumbaan 'Raja Gunong', Arthur de Silva telah mendapat tempat kedua dan Awangku Mashuni tempat ketiga.

Peserta2 Brunei telah mendapat tempat pertama hingga ke-lima dalam perlumbaan terbuka sa-jauh 20 batu bagi penuntut2.

Mereka yang berjaya ia-lah Azahari Ali—pertama, Awangku Shahar — ke-dua, Zakaria Ibrahim, — ketiga, Arthur dan Awangku Hamzah.

Pelumba2 Brunei itu telah memenangi piala sa-bagai satu pasokan dalam perlumbaan tersebut.



Azahari Ali salah sa-orang pelumba Brunei ketika di-temu ramah oleh Penerbit Sokan dan Olah Raga Radio Brunei Ak. Othman bin Pengiran Ismail ketika ketibaan rombongan pelumba2 itu di-tambahan Kastam pada hari Juma'at lepas.



Ketua Seksi Sokan MBB, Ak. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu selaku ketua rombongan pelumba2 basikal telah di-beri penghormatan ketika beliau di-undang untuk menyampaikan hadiah2 kepada pemenang. Gambar ini kelihatan beliau menyampaikan hadiah (piala) kepada N. A. Rosli (Malaysia) Johan bahagian terbuka di-Melaka.

Abd. Raup dari Brunei di-ikuti oleh peserta dari Malaysia dan Ak. Yamin (Brunei) dalam perlumbaan bahagian murid2 sekolah. Pemenang pertama hingga kelima dalam bahagian ini telah di-nangi oleh Brunei.



Sa-belum perlumbaan terbuka di-mulakan di-Johor.

Pemenang pertama hingga ke-5 dalam bahagian penuntut2 sekolah sa-jauh 20 batu. Mereka juga memenangi dalam bahagian berpasokan dalam perlumbaan di-Johor. Gambar menunjukkan (dari kanan) Arthur, Zakaria, Azahari Ali, Ak. Shahar dan Ak. Hamzah.



A. B. Rahim (Malaysia) di-ikuti oleh Ak. Masuni, Arthur dan Azahari Ali, dari Brunei (dalam perlumbaan terbuka di-Johor). Pemenang dalam perlumbaan ini ia-lah A. B. Rahim, Ak. Shahar kedua, Azahari Ali ketiga, Ak. Mashuni keempat, Alwi Haji Abdullah (Malaysia) kelima dan Arthur ke-enam.



YANG Di-Pertua Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei, Awang Abu Bakar bin Abd. Rahman, telah menyarankan bahawa persatuan2 peladang di-negeri ini belum dapat menchapai kejayaan2 menurut kehendak asal persatuan2 itu di-tubuhkan. Chita2 untuk mengatasi kekurangan keperluan bahan2 tani sa-hari2 di-negeri ini boleh di-katakan belum bagitu jelas di-lihat walaupun persatuan2 peladang sudah di-tubuhkan bertahun2 lama-nya.

Kelemahan itu berpuncha dari faktor2 kemahuan ahli2 peladang sendiri untuk berusaha dengan penoh yakin — dan telah di-tekanakan pula oleh ahli2 peladang bahawa kelemahan itu — atau kurang aktif-nya mereka bergerak ada-lah di-sebabkan kurang-nya durongan dalam bidang2 yang tertentu.

Itu-lah yang jelas — dua matalamat besar yang menjadi puncha "pertentangan keluarga" dalam Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei. Kelemahan persatuan2 peladang dalam membekalkan hasil2 dari usaha mereka untuk keperluan orang ramai bukan hanya di-rasakan oleh ahli2

KEGAGALAN PELADANG UTK. ATASI KEKURANGAN BAHAN2 TANI

Oleh: Penulis Kita

Jawatankuasa Tertinggi Persekutuan Persatuan2 Peladang itu, tetapi juga hampir sa-tiap "Temasha Tamu" yang di-khususkan untuk peladang2 itu, masih dapat di-dengar sungutan2 tentang semakin berleluasa-nya orang2 tengah yang nemeras pembeli2.

Sikap ahli2 jawatankuasa tertinggi Persekutuan itu yang tidak mau menegakkan "benang basah", bahkan mengakui kelemahan2 itu ada-lah satu sikap yang harus di-puji kerana mereka hendakkan kejujuran berusaha di-kalangan ahli2-nya.

Yang Di-Pertua Persekutuan itu mendedahkan bahawa sebab2 kelemahan itu yang menjadi puncha kurang-nya usaha2 yang di-perlukan ia-lah "sabilangan besar ahli2 persatuan2 peladang terdiri dari ahli2 yang bertani sa-chara sambil2an sahaja atau langsung tidak ada sama sekali walaupun menjadi ahli persatuan. Mereka ini kebanyakan-nya berkhidmat dengan Kerajaan, majikan, dan bekerja sebagai buroh kasar, sedangkan menchapai kemajuan di-bidang pertanian ada-lah berkehendakkan masa yang penoh sa-perti apa yang pernah kita lihat di-lakukan oleh peladang2 bangsa China.

Sa-bilangan ahli2 persatuan2 peladang menekankan bahawa kurang aktif-nya mereka bergerak ada-lah di-sebabkan kurang jaminan dan durongan.

Untuk jaminan, mereka menuntut supaya di-tubuhkan Sharikat Kerjasama Peladang sa-bagai Pusat yang menerima hasil tanaman2 peladang yang kemudian-nya akan mengusahakan pemasaran-nya. Mereka juga mendakwa tentang kurang-nya durongan dalam jurusan pendidekan peladang dan ketiadaan tanah yang bakal peladang2 berusaha terus-menerus.

Kalangan2 Jawatankuasa Tertinggi apabila di-tinjau pandangan mereka telah menimbulkan jurusan2 yang menyebabkan kurang-nya keperluan untuk meluaskan bantuan2 yang di-berikan kepada peladang. "Kurang percaya" ini timbul dari nafsu sa-tengah2 peladang. Soal pendidekan untuk peladang ada-lah tidak timbul dalam perkara ini, kerana Jabatan Pertanian ada-lah bersedia untuk memberikan tunjok ajar dari segi apa yang mereka perlukan.

Kursus2 Pertanian sudah lama di-adakan untuk mereka dan kursus itu akan di-lanjutkan jika perlu.

Satu penyakit yang amat merbahaya, yang dapat kita ketahui dari kalangan2 yang tertentu bahawa "ada sa-tengah2"-nya yang memasoki persatuan2 peladang kerana hendak menggunakan keahlian itu sa-bagai "tiket" untuk mendapatkan tanah. Kerana itu barangkali Yang Di-Pertua Persekutuan itu mengshorkan supaya di-selideki sa-mula perlombongan persatuan2 peladang di-negeri ini dalam bab keahlian itu, supaya tidak dapat di-masoki oleh gejala2 sa-umpama itu.

Dalam zaman pembangunan ini, sikap berterus terang dan tidak mau menyimpan yang burok itu ada-lah satu sikap yang di-perlukan, kerana hanya dengan itu-lah kita dapat mempelajari dengan lebih baik lagi untuk menchapai kemajuan yang lebih pesat dan berarti.

Dalam tinjauan kita bahawa satengah2 peladang yang mempunyai tanah telah tidak mengusahakan tanah2 mereka dan ada yang terbiar di-tumboh lalang. Hal ini berlaku di-sebabkan mereka itu kebanyakan-nya bukan peladang dalam arti kata yang sabener-nya. Yang berushaha sapenoh-nya di-ladang telah tidak menurut "sistem of farming" yang sabener-nya. Belum ada peladang yang mengusahakan tanaman sayur-mayor dengan chara yang meluas menurut sistem yang di-kehendaki oleh pertanian moden seperti yang di-lakukan oleh peladang2 yang bukan dari suku-bangsa Melayu di-negeri ini. Orang2 dari Taiwan dan Korea yang tidak sampai berapa tahun tiba di-negeri ini telah berjaya membuka ladang2 mereka dengan chara menumpang di-tanah2 bumiputera — dan telah menikmati kemewahan dari hasil ladang2 mereka itu. Mereka di-katakan mempunyai modal yang besar untuk mengadakan baja2 dan ubat2 membunuh penyakit tanaman2, tetapi peladang2 tempatan juga mempunyai keistimewaan yang tidak dapat di-tandingi oleh mereka dalam soal ini. Dalam soal ini Kerajaan sudah pun memberikan peluang dan memberikan bantuan2 yang di-perlukan mereka.

(Lihat Muka 8)

BAHAN2 SASTERA LAMA YANG MENGGAMBARKAN FIKIRAN DAN KEPERCHAYAAN ORANG2 MELAYU

Oleh:

Idris Abdul Ghani — B.A., Dip. Ed., SMMP Pusat.

PADA masa ini kegiatan sastra sangat jelas kelihatan dalam masyarakat kita. Tiap2 hari minggu, kesusasteraan mengambil bidang yang besar dalam surat2 khabar Melayu. Memang tidak dapat di-nafikan bahawa kesusasteraan telah mengambil tempat yang penting dalam hidup masyarakat kita hari ini. Pada masa yang silam, kegiatan sastra mungkin tidak sa-besar yang kita alami sekarang; tetapi penghasilan sastra tetap berlaku, sejak zaman-berzaman dalam masyarakat Melayu.

Dalam renchana yang singkat ini, bukan lah tujuan saya untuk membentangkan kesusasteraan seluruh-nya, tetapi hanya sa-kadar menyatakan serba sedikit tentang bahan2 sastra lama seperti dongeng, peribahasa dan lain2-nya menggambarkan bagaimana mereka.

Sa-bagai yang di-ketahui umum, bahawa kesusasteraan masa yang lampau hanya berchorak lisan. Dongeng2, cerita peribahasa, pantun semua-nya di-sampaikan dengan se-chara lisan; dari mulut, sambut bersambut. Kerana itu tidak menghairankan terdapat cerita2 orang kemudian-nya agak berlainan dari daerah ka-daerah dengan di - tukok tambah sedang jalan cerita-nya sama sahaja. Walau bagaimana pun kita akan dapati isi2 yang terkandung di-dalam-nya jelas menunjukan tentang persatuan masyarakat, perasaan fikiran, kekukohan adat, keperchayaan, pergaulan dan sa-bagai-nya.

Kalau di-teliti, umum-nya cerita2 itu berisi dongeng yang di-hubungkan dengan keperchayaan pada kekuasaan ghaib dan roh seperti hantu, mambang, jin, peri atau terhadap benda2 alam serta kekuatan yang terkandung di-dalam-nya. Boleh di-katakan hampir kasemua cerita2 itu menggambarkan kesaktian yang luar biasa. Kadang2 cerita-nya penuh dengan ketegangan, pertempuran, perkeltahan, pembunuhan dan lain2 yang umum-nya berkesudahan dengan kebahagiaan.

Apabila kita membuat penelitian kepada bahasa2 yang di-gunakan di-dalam cerita2 dongeng itu tidak-lah mempunyai keindahan bahasa seperti nilai2 bahasa yang ada di-dalam pantun, peribahasa dan sabagai-nya. Walau pun bagitu cerita2 dongeng ini ada mempunyai nilai sastra-nya dalam chara pencerita-nya mengeluarakan fikiran-nya, dan dari fikiran ini-lah lama kelamaan berchampan menjadi cerita2 tersebut timbul dari konsep keperchayaan mereka seperti semangat, hantu, penunggu2, dan sa-bagai-nya.

Ada juga cerita2 dongeng yang dapat di-katakan cerita2 penglipor lara. Sebab di-katakan bagitu kerana ada juga jenis2 cerita yang isi-nya semata2 menjadi penglipor hati dan menyenangkan fikiran di-kala senggang, di-malam bulan

purnama, di-kala lepas penat bekerja atau di-kala majlis keramaian. Sunggoh pun isi-nya dongeng, tetapi terselit di-dalam-nya tamsil, ibarat serta didekan budi pekerti.

Walaupun sekarang dikenal dengan zaman angkasa lepas, sputnik, apollo dan sa-bagai-nya, tetapi cerita2 jenis dongeng ini masih belum lenyap lagi di-kalangan orang2 Melayu dan tetap mendapat perhatian penuh minat oleh pendengar2 sama ada tua atau muda, lelaki atau perempuan, kanak2 atau orang2 dewasa. Ia-nya sedikit sa-banyak-nya ada juga memberi faedah, terutama dapat memberi pelajaran, perbandingan dan kadang2 memberi nasehat yang berguna kepada masyarakat.

Sunggoh pun orang2 Melayu zaman dahulu sa-belum mereka mengenal huruf dan mempelajari ilmu tulis menulis, mereka telah ada mempunyai pengertian yang mendalam terhadap selok-belok kehidupan. Dalam pergaulan mereka sehari2 mereka menggunakan berbagai2 gubahan bahasa yang menarik dan dapat dianggap bernilai sastra. Dan apabila di-perhatikan gubahan2 bahasa yang mereka gunakan itu, nyata gubahan2 bahasa itu tersusun dengan perkataan2 yang menarik dari berbagai2 bentuk seperti gubahan2 pantun, cerita2, bidalan, peribahasa dan sabagai-nya. Kesemua-nya itu di-susun dan di-tuturkan oleh mereka dengan rapi-nya untuk menyatakan kesimpulan pendapat2, buah fikiran, adat istiadat yang benar pada akal serta lekat tersemat dalam ingatan mereka bagi kepentingan masyarakat-nya dan orang2 kemudian.

Sa-bagai yang di-ketahui, bahawa manusia yang hidup ini menggunakan fikiran-nya adalah untuk kapentingan hidup dan kepuasan jiwa-nya, atau lebih tegas dapat di-katakan memenuhi arti hidup sa-bagai sa-orang manusia menurut pertimbangan akal-nya.

Kerana untuk memenuhi arti hidup itu-lah, maka muncul-

nya gubahan2 indah yang terkandung di-dalam-nya rasa dan juga sanjongan-nya terhadap sa-saorang yang lain. Hasil-nya muncul-lah kata2 pujian, pantun cinta berahi, pujaan budi pekerti, sanjongan terhadap sa-saorang, undang2 sa-sama kumpulan mereka dan lain2 soal yang di-gubah. Di-dalam-nya terdapat sindiran ajaran, nasehat, pantang larang dan sa-bagai-nya.

Pada mula-nya hasil2 ini di-gubah untuk diri-nya atau keluarga-nya, tetapi kemudian-nya oleh sebab keindahan senikata-nya, peratoran2 adat yang di-buat, maka jadi-lah gubahan2 itu hak masyarakat. Ia-nya di-buat oleh ahli2 cherdek-pandai, ketua2 puak, ketua2 keluarga dalam satu2 kumpulan dengan tujuan untuk membentok ahli2 keluarga-nya atau kumpulan-nya supaya patoh kepada masyarakat dan mereka dapat hidup dalam rukun damai.

Segala ajaran, nasehat, pantang larang, undang2 dan sa-bagai-nya yang di-buat itu, di-susun dengan kata2 yang senang dan indah dalam peribahasa, bidalan, cerita2 dongeng dan jampi serapah. Ini dilakukan kerana manusia pada masa itu belum mengenal huruf, belum mempelajari ilmu tulis menulis dan alam pemikiran mereka pun belum bagitu tinggi.

Mengikut pendapat dari penyelidikan para serjana anthropology-budaya atau pendapat ahli ilmu bahasa dan para ahli purbakala, bahawa nenek moyang kita dahulu sudah mempunyai dasar keperchayaan rohani yang tebal. Keperchayaan akan ada-nya kuasa ghaib seperti hantu, jin, mambang, tumbahan2 dan sa-bagai-nya, hingga mereka percaya bahawa tiap2 satu-nya dalam dunia ini ada lagi keperchayaan yang di-namai animisma, ia-itu keperchayaan bahawa setiap makhluk mempunyai jiwa, jika orang meninggal, maka jiwa itu mempunyai tempat tinggal sendiri di-dalam dunia ini. Chontohnya jiwa nenek moyang ta'terlepas dari masyarakat orang yang masih hidup. Kerana itu sa-tiap waktu yang tertentu

kita dapati orang mengadakan upacara pemujaan terhadap roh yang di-pimpin oleh sa-orang ketua yang di-panggil pawang.

Mereka perchaya dengan kuasa pawang akan dapat menghilangkan pengaruh jahat yang sering mengganggu manusia. Pawang dapat memimpin upacara yang berhubung dengan Agama atau memimpin lembaga adat, hukum, melakukan persumpahan dan mengetahui pula waktu yang baik untuk turun ka-sawah atau ka-laut. Mereka perchaya pawang2 tersebut tahu tentang ilmu2 kuasa ghaib, yang mana kuasa2 ghaib itu pula mesti dilawani dengan kuasa2 ghaib juga.

Kalau kita biasa mendengar pawang2 melakukan sesuatu upacara seperti serapah, jampi atau menawarkan sa-orang yang sedang sakit, kita akan dapati kata2-nya tidak mengandungi kata2 yang indah untuk si-pendengar. Malah segala kata2 yang keluar dari mulut pawang itu ada-lah kata2 yang seram, gerun, hebat dan kadang2 menakutkan. Kata2 itu ada hubungan dengan kuasa2 ghaib seperti penunggu atau pemuleh semangat. Dan di-samping pandai menjampi dan menyerapah, pawang2 juga pandai bercerita dengan menggunakan perkataan2 yang indah untuk menyedapkan cerita2 serta di-selangi dengan ungkapan serta rangkaian kata2 yang menarik.

Biasa-nya dari chiptaan2 yang indah ini-lah menjadi asas kesusasteraan kita. Daripada bahasa yang di-gunakan oleh pawang2, ketua2 keluarga, ketua adat dan puak ini-lah yang menjadikan seni dan kebudayaan yang tinggi. Dari chiptaan2 seperti bidalan, pantun, seloka, cerita2 dongeng dan lain2 sabagai-nya itu terdapat bentuk2 yang tetap di-dalamnya. Ia-nya juga di-gunakan untuk menegaskan sa-suatu maksud dengan chara yang singkat tetapi tepat dan bernas. Sa-bagai chontoh, kita ambil pantun umpama-nya; di-dalam pantun kita dapati kata2, kalimat2, irama, isi perasaan dan fikiran2 yang di-lahirkan adalah serupa dengan kata2 dalam pantun yang lain. Kerana itu kita dapati bahawa pantun te-

(Lihat Muka 7)

SEMOGA TAHUN 1970 AKAN TAMPAH SEJARAH — harapan P. D.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pg. Hj. Abd. Rahim berkata bahawa menjelang tahun baru 1970 ada-lah merupakan satu lambang yang baik lagi ketenteraman, kesejahteraan dan kehormonian raayat di-negeri ini.

Pegawai Daerah Brunei-Muara itu telah berucap demikian ketika beliau mempe-ngurusikan sidang bulanan Ma-shuarat Daerah Brunei-Muara di - Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pagi Rabu lalu.

Pengiran Dato' Paduka Haji Abd. Rahman itu juga ber-harap supaya usaha2 yang akan di-laksanakan sa-panjang tahun 1970 ini akan membuat sejarah yang baik bagi negeri ini.

Beliau juga berharap supaya wakil2 raayat akan dapat menyumbangkan segala tenaga mereka ka-arrah itu.

Ketika menjawab ucapan penanggoahan yang di-kemukakan oleh Awang Abd. Latif bin Ahmad wakil kawasan Pera-mu, Pengiran Dato Paduka Hj. Abd. Rahman berkata, ma'alumat2 telah pun di-ke-luarkan oleh Pejabat Laut dan Siaran Radio dan Penerangan mengenai ayer pasang dalam dan meminta semua pemandu2 motor sangkut supaya menja-lankan motor mereka dengan perlahan2 apabila melalui lu-rong2 di-rumah Kampong Ayer.

Pegawai Daerah itu juga

menasehatkan motor2 sewa an-tara Brunei-Limbang supaya masa'alah mereka yang kechil itu di-selesaikan sendiri sa-chara baik.

Menyentuh mengenai Siaran Radio dan Penerangan, Pen-giran Dato Paduka Hj. Abd. Rahman menjelaskan, Jabatan itu bukan-lah semesti-nya me-nyiarkan sa-chara lengkap ha-sil2 Persidangan Majlis Ma-shuarat Daerah tetapi jika orang ramai ingin mengikuti-nya lebeh lanjut, mereka boleh-lah datang apabila majlis itu bersidang.

Tidak ada usol di-bawa ka-dalam majlis pada hari itu.

Di - Bangar, Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong juga telah bersi-dang pada minggu lepas.

Dalam persidangan itu majlis telah meluluskan satu usol yang di - kemukakan oleh Awang Apai bin Timpar — wakil kawasan Belaban.

Usol yang telah di-luluskan itu ia-lah menyeru kerajaan supaya menempatkan sa-orang lagi Pegawai Imigeresen di-daerah itu.

Pemereksaan tahunan alat2 sukatan dan timbangan

BANDAR BRUNEI. — Pe-mereksaan tahunan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan di-Bandar Brunei yang telah di-mulakan sejak 3 Januari le-pas akan di-teruskan sa-hingga 28 Februari, hadapan.

Merinyu sukatan dan tim-bangan dan kaki-tangan akan berada di-Muara untuk memereksa alat2 sukatan dan tim-bangan di-kawasan itu, Serasa dan Batu Marang. Rombongan tersebut akan berada se-mula di-Bandar Brunei dari 3 Mach hingga 14 Mach.

Alat2 sukatan dan timbang-an di-Pulau Baru-Baru dan Pulau Berbunut akan di-pe-reksa pada 16 Mach apabila rombongan itu melawat ka-kampong2 itu.

Merinyu dan rombongan itu akan berada di-Tutong dari 24 hingga 29 Mach.

Pengumuman lanjut menge-nai pemereksaan alat2 tersebut di-kawasan Sengkurong, Tung-gulian, Sungai Liang, Labu Es-tate, Temburong, Bukit Puan, Kuala Belait, Bukit Sawat, Pangkalan Siong, Kuala Belait dan Seria akan di-buat kemu-dian.

20 orang penuntut lanjutkan pelajaran di-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Jaba-tan Pelajaran telah menghant-20 orang penuntut untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-Singapura.

Ini ada-lah kumpulan yang ke-enam penuntut2 Brunei di-hantar ka-republik itu untuk melanjutkan pelajaran sejak tahun 1965.

Sa-puluh orang telah di-hantar untuk melanjutkan pe-lajaran mereka dalam aliran Melayu dan lain-nya belajar di-sekolah2 Inggeris.

Lima orang dari penuntut2 yang di-hantar untuk meng-ikuti pelajaran dalam aliran Melayu itu akan belajar di-Sekolah Menengah Tun Seri Lanang dan lima di-Sekolah Gabongan Telok Kurau.

Penuntut2 yang mengikuti pelajaran dalam bahasa In-ggeris itu, lima akan belajar di-Sekolah Menengah Siglap dan lima orang di-Sekolah Menen-gah Bertley.

Mereka yang telah di-pileh itu ada-lah seperti berikut.

Penuntut2 aliran Inggeris: Umar bin Md. Tahir, Sekolah Inggeris Tutong, Kassim bin Haji Daud, Maktab SOAS; Daron bin Jaya, Sekolah In-ggeris Tutong; Md. Zain bin Haji Salleh, Maktab SOAS; Md. Hussani bin Haji Md. Hussein, Maktab Anthony Abell; Zaini bin Sabtu, Mak-tab SOAS; Zulkifli bin Abdul Hamid, Maktab SOAS; Mohd. Junaidi bin Pehin O. K. Maha-raja Di-Raja Dato H. A. Rahman, Maktab SOAS; Zainal Abidin bin Muham-mad, Maktab SOAS; dan Ak. Baharuddin bin Pengiran Ja-ludin, Maktab Anthony Abell.

Penuntut2 Aliran Melayu: Tunggal bin Tussin, S. M. Sultan Abdul Bubin, Sg. Besar; Abu Hanafiah bin Talib, S. M. Keriam; Ak. Hamdan bin Pg. Duraman, S. M. Sultan Hasan, Bangar; Sulaiman bin Labok, S.M. Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Metali bin Mir-hassan, S. M. Kilanas; Maaruf bin Hitam, S. M. Keriam; Jali bin Ali, S. M. Telisai; Hassan bin Haji Metahir, S.M. Puser Ulak; Ringkai bin Siba, S.M. Rambai dan Zainal bin Sisa, S. N. Subok.

Bahan2 sastera lama

(Dari Muka 6)

lah ada mempunyai bentok2 dan semangat2 yang tertentu.

Demikian juga kalau kita perhatikan kepada cherita2 yang di-tutorkan oleh orang tua2, jelas nampak ada per-hubungan rapat dengan tarian2 yang berkaitan dengan keper-chayaan Ugama seperti dalam dunia yang ghaib dan sakti. Itu-lah sebab - nya segala mentera, serapah, jampi dan lain2-nya itu tidak-lah boleh di-ucapkan dengan sasuka ha-ti, atau kurang kata2-nya, atau salah lagu-nya, nanti akan bo-leh menghilangkan kekuatan-nya.

Pendek kata, bahawa ke-budayaan Melayu ada-lah ber-dasarkan animisma, lantas sas-tera pun sama juga dasar-nya. Dasar2 ini munchul sama-lah dengan keadaan masharakat dan keperchayaan mereka pa-da masa itu. Dan daripada sini jelas menunjokan; bahawa bahan2 sastera lama seperti dongeng2, peribahasa dan lain2 - menunjokkan bagai-mana orang2 Melayu dahulu kala berfikir serta keperchaya-annya.

Keputusan pepereksaan2 trengkas, menaip dan Stenografi

(Dari Muka 2)

Pg. Sidek C+, Ahmad bin Kula C+ dan Awang Ismail bin Mohammad B-.

Trengkas Perengkat Ter-tinggi;

Othman bin Damit C+.

Menaip Perengkat Permu-laan;

Zainab bte Mohd. Yassin C-, Salmiah bte Haji Md. Hussin C-, Mahani bte Abu Bakar C+, Dayang Napsiah bte Awang Besar C-, Rohani bte Abd. Wahab C+, Norza-nah bte Shawal C+, Suzanna Rahmah bte Abd. Aziz C-, Halimah bte Haji Metasaan B-, Hashim bin Abd. Rahman C-, Ak. Md. Yusof bin Pg. Metusin C+, Halimah bte Awang Besar C+, Mariam bte Kaling C-, Rafiah bte Ismail C+, Musbah bte Ibrahim C-, (Asiah) Siah bte Mohammad C+, Armah bte Awang Damit C+, Rokiah bte Samad C-, Md. Tahir bin Haji Kula B+, Duraim bin Mudin C+, Mar-sidi bin Mokti C+, Mokti bin Amit C-, Zaini bin Abd. Ha-mid B+, Mohd. Yassin bin Matusin C+, Md. Salleh bin

Md. Noor B-, Jambal bin Tunjang C+ dan Ismail bin Jerudin C+.

Menaip Perengkat Menen-gah;

Rafeah bte Haji Md. Yassin C-, Dk. Fatimah bte Pg. Ajak C+, Boche bte Yahya 35 psm B-, Armah bte Osman C-, Md. Said bin Matarsad C+, Mohammad bin Minudin 30 psm B-, Awang bin Ajak B-, Sulaiman bin Bakir C-, Md. Jaafar bin Ahmad C-, Sabli bin Ya'akub C-, Metusin bin Abdul Rahman C+, Ak. Ba-darudin bin Pg. Metassan C+ dan Mohd. Hasan bin Abdul-lah C-.

Menaip perengkat Tertinggi;

Moksin bin Awang Damit C+, dan Abdul Ghani bin Abu Bakar C+.

Dk. Rosnah bte Pg. Bakar lulus ujian menaip kepantasan 35 psm C- dan dua orang lulus dalam pepereksaan Stenografi perengkat permulaan.

Mereka ia-lah Awang bin Ajak C- dan Abu Bakar bin Samad C-.

Pepereksaan Kerani2 rendah

Dengan ini di-maalomkan untuk pengetahuan umum ia-itu Pepereksaan Kerani2 Ren-dah yang telah di-jadualkan untuk di-adakan pada 16 Ja-nuari, 1970, sekarang akan di-adakan pada 31 Januari, 1970.

PERPUSTAKAAN DBP AKAN DI-LUASKAN LAGI

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri berkata hari ini bahawa perkhidmatan khutub-khanah jabatan-nya akan di-luaskan lagi untuk memenuhi kehendak2 masyarakat bagi memperkembangkan ilmu pengetahuan yang di-kehendaki untuk kemajuan bangsa dan negara.

Dalam pertemuan khas dengan beliau, Pengarah Dewan Bahasa itu menerangkan bahawa Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memesatkan kemajuan perpustakaan tersebut dengan melengkapkan berbagai2 buku dan penerbitan2 yang mengandungi berbagai2 ilmu pengetahuan untuk di-baca oleh orang ramai, terutama sekali penuntut2.

Beliau menegaskan bahawa ilmu pengetahuan ada-lah menjadi pelita kepada kemajuan bangsa dan negara. Sebab itu-lah Kerajaan bersungguh2 mengusahakan perkembangan perpustakaan di-negeri ini.

Mengenai penambahan buku2 dan penerbitan2 yang lain di-khutub-khanah itu, Ketua Perpustakaan, Dayang Thelma T. Salazar menerangkan, walaupun bahagian dewasa khutub-khanah itu mengandungi 28,000 jilid dalam segala jurusan termasuk kesesasteraan, ilmu sains dan berbagai2 buku fiksi, tetapi khutub-khanah itu menghendaki lagi tambahan supaya ia-nya benar2 lengkap.

Untuk memenuhi kehendak2 ini, kata-nya, ada banyak jenis buku lagi yang akan tiba yang pesanan2-nya telah pun di-lakukan.

Khutub-khanah DBP juga mempunyai bahagian untuk kanak2 yang lengkap dengan buku2 dan kemudahan2 untuk kanak2 yang berumur lima tahun ka-atas.

Dayang Salazar menerangkan, satu daripada tambahan2 itu ia-lah buku2 mengenai hal-ehwal Asia Tenggara. Dalam bahagian itu akan di-adakan tempat khas bagi buku mengenai dengan Brunei dan yang bersangkutan dengan-nya sama ada di-segi tawarikh dan peruratan.

Tambahan2 lain ia-lah bahagian pamphlet, buku2 istimewa dan buku2 besar.

BANTUAN UNTUK PELADANG2

(Dari Muka 5)

Berdasarkan dari sini, maka tidak timbul soal durongan, tetapi yang penting "kesedaran dan kerajinan berusaha".

Kita perchaya bahawa Kerajaan tidak akan teragak2 untuk memberikan bantuan2 yang lebih meluas dan lebih besar jika peladang2 di-negeri ini dapat membuktikan usaha mereka dengan penoh keyakinan.

Peladang2 harus-lah membuktikan usaha2 mereka yang lebih besar itu dan Kerajaan tidak akan melayan jika hanya untuk maju sa-tapak, tetapi mundur sa-puluh tapak.

Dewasa ini maseh ada peladang2 dan penternak2 yang telah tidak membuktikan janji2 mereka, malah pernah terjadi peristiwa penternak yang dibantu dengan jumlah kewangan yang banyak untuk membuka ternakan yang besar, tetapi telah gagal.

Sudah pun di-laung2kan bahawa Kerajaan tidak akan

PELADANG2 DI-SERU SUPAYA MENUMPUKAN MASA PENOH DI-LADANG2 MEREKA

BANDAR BRUNEI.—Bekas Yang Di-Pertua, Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman menekankan bahawa selagi peladang2 di-negeri ini tidak menumpukan usaha sapenoh-nya di-ladang mereka, maka selagi itu-lah kemajuan di-semua bidang pertanian tidak akan dapat di-chapai.

Sa-bilangan besar ahli2 persatuan2 peladang di-negeri ini, kata-nya, ada-lah terdiri dari ahli2 yang bertani sa-chara

sambil2an sahaja dan telah tidak menumpukan usaha penoh mereka di-ladang.

"Mereka ini kebanyakan-nya berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai buroh2 kasar dan lain2 jawatan dalam Kerajaan dan sektor2 peribit", kata-nya.

Awang Abu Bakar berkata bahawa untuk mencapai kemajuan di-bidang pertanian ada-lah berkehendakkan masa yang penoh seperti apa yang pernah kita lihat di-lakukan oleh peladang2 bukan Melayu.

Ini telah di-nyatakan beliau ketika berucap di-pembukaan rasmi Mashuarat Agong Persekutuan Persatuan2 Peladang di-Dewan Kemasyarakatan di-sini pada hari Juma'at lepas.

Awang Abu Bakar selanjut-nya berkata:

"Kita akui banyak daripada ahli2 Persatuan2 Peladang yang ada pada masa ini mempunyai kechenderongan di-bidang pertanian, tetapi oleh sebab banyak sudah masa mereka di-gunakan di-kerja2 lain, maka amat-lah sukar bagi mereka menumpukan tenaga dan masa untuk bertani".

Awang Abu Bakar mensifatkan Persekutuan Persatuan2 Peladang yang sudah di-tubuhkan sa-lama empat tahun itu belum di-akui mencapai kemajuan pada keseluruhan-nya.

Oleh yang demikian, kata-nya, pertimbangan2 dan fikiran2 yang mendalam untuk menchari langkah2 yang patut di-ambil untuk memecahkan masalah kemunduran itu ada-lah wajar di-lakukan dengan segera.

Beliau telah menarek perhatian kepada Perlembagaan Persatuan2 Peladang di-negeri ini yang di-sifatkan beliau sa-bagai tidak lengkap dan mempunyai beberapa kelemahan berkenaan dengan pengambilan ahli2-nya.

Kadaan ini, kata-nya telah menyebabkan persatuan2 peladang tertuboh bagitu banyak dalam tempoh masa yang singkat.

Beliau berkata, biarkan-lah kita mempunyai 7 atau 8 persatuan di-seluruh negeri, tetapi yang penting ia-lah minat ahli2-nya untuk menumpukan masa dan tenaga yang penoh bagi menjadikan usaha bertani sa-bagai mata pencharian.

Akhir-nya beliau berseru kepada seluruh peladang2 di-negeri ini supaya menginsafi keadaan sekarang dan berusaha terus untuk mara ke hadapan bagi mencapai kemajuan sapertimana yang telah di-chapai oleh pertubuhan2 yang lain di-negeri ini.

USAHAKAN TANAH MENGIKUT SHARAT2

(Dari Muka 1)

"Dengan ketekunan dan keyakinan itu kumpulan petani2 yang benar2 bersemangat pak tani akan dapat memberikan kesan-nya yang maha besar kepada masyarakat Brunei yang perlukan bahan2 makanan", tegas beliau.

Beliau akhir-nya mengharapkan kepada petani2 negeri ini supaya akan mengusahakan tanah2 mereka dengan chara yang lebih meluas yang nanti-nya akan dapat membawa kekukohan pada penghidupan raayat dan kesejahteraan negara.

Lencana2 akan di-keluarkan untuk elakkan kesibokkan

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal-Ehwal Ugama akan membahagi2kan lencana2 baju dan pelekat2 kereta untuk memudahkan jemaah2 haji masuk ka-lapangan terbang bagi mengelakkan keadaan yang penoh sesak dan tidak teratur.

Pegawai Urusan Haji, Awang Kassim bin Haji Ahmad berkata, pelekat kereta akan membolehkan kenderaan2 yang di-naiki jemaah2 haji itu masuk ka-kawasan Lapangan Terbang Berakas, sementara lencana2 baju akan membolehkan mereka masuk ka-Bangunan Lapangan Terbang.

Pengeluaran pelekat kereta ia-lah terbit dari masalah menyimpan kereta di-kawasan Lapangan Terbang, dan lencana2 baju ia-lah bagi melicinkan urusan2 bagi kesempurnaan jemaah2 haji itu termasuk kawalan kesihatan mereka.

Sanak saudara jemaah2 haji yang

menghantar di-lapangan terbang, tetapi tidak mempunyai lencana pelekat kereta tidak akan di-benarkan memasuki kawasan lapangan terbang.

Jemaah2 haji di-Daerah Brunei/Muara dan Temburong boleh mengambil pelekat2 kereta dan lencana2 baju ka-Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal-Ehwal Ugama pada hari Sabtu, 17 Januari.

Jemaah2 haji di-Daerah Belait di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama Kuala Belait pada 15 Januari, sementara Daerah Tutong, di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama Tutong pada hari Selasa 20 Januari.

Jemaah2 haji itu akan bertolak ka-Labuan dalam empat penerbangan pada hari Selasa 27 Januari dan tiga penerbangan pada hari Sabtu 31 Januari. Dari Labuan Jemaah2 haji itu akan menaiki kapal terbang "Britannia" yang akan membawa mereka ka-Jeddah.